

DAP lihat kejayaan PM tangani krisis bulan lalu beri peluang cerah pada PRU16

Kuala Lumpur: DAP yakin kejayaan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengharungi semua cabaran getir yang melanda negara, khususnya krisis pada Julai, dilihat akan mengulangi kemampuan Kerajaan Perpaduan pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Timbalan Setiausaha Agung DAP, Liew Chin Tong, berkata kejayaan Perdana Menteri melepasi cabaran itu menjadi detik permulaan dalam penggal kedua Parlimen ke-15 kepada kerajaan hari ini untuk mencatatkan banyak lagi pencapaian yang memberi manfaat kepada rakyat.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri berkata, sepanjang bulan lalu, ada masalah yang selesai dengan sendiri dan ada peristiwa dan keadaan yang berlaku secara ketbetulan, tetapi ada juga usaha jangka panjang yang membuah hasil kepada negara.

"Yang dapat disimpulkan di sini, Anwar dapat melepasi semua cabaran getir yang melanda negara pada bulan lalu.

"Malah, ketokohan Perdana Menteri di arena antarabangsa akan memperlihatkan pengaruh Malaysia dalam mencorakkan transisi tatanan dunia yang sedang berubah daripada unipolar kepada multipolar," katanya dalam satu kenyataan di Facebooknya, semalam.

Mengulas lanjut, Chin Tong berkata, gambar Anwar yang duduk di tengah antara Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai pada majlis perdamaian itu yang turut dihadiri Duta Amerika Syarikat (AS) dan China ke Malaysia, akan tercatat dalam sejarah sebagai momen penting untuk ASEAN meluaskan sayapnya sebagai organisasi global, manakala Malaysia dengan pengaruhnya sebagai suara pendamai.

"Presiden Donald Trump juga mengucapkan tahniah kepada Malaysia atas perannya sebagai pendamai konflik Kemboja-Thailand dan turut menyampaikan hasratnya untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 di Kuala Lumpur pada Oktober ini.

"Ini adalah kejayaan diplomasi Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, terutama apabila Trump berkemungkinan tidak akan hadir ke Sidang Kemuncak G20 di

"Yang dapat disimpulkan di sini, Anwar dapat melepasi semua cabaran getir yang melanda negara pada bulan lalu"

*Liew Chin Tong,
Timbalan Setiausaha Agung DAP*



Afrika Selatan pada November," katanya.

Katanya, krisis kehakiman yang berdasarkan desas-desus juga selesai dengan pelantikan Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh sebagai Ketua Hakim Negara, sekali gus menyepikan suara bantahan.

"Awal Julai, timbul keresahan mengenai ekonomi yang membabitkan isu seperti peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), tarif baharu elektrik, tarif Trump, kebimbangan rasionalisasi harga pam petrol, tetapi pada 23 Julai, Perdana Menteri dengan tegas membuat pengumuman baharu yang bersifat kemurahan hati kerajaan.

"Ia bukan sahaja menamatkan spekulasi mengenai kenaikan harga minyak, tetapi dengan pemberian tunai, membayangkan kerajaan tidak akan memaksa rakyat mengikat perut. Ini melegakan rakyat agar lebih selesa dan tenang dengan usaha gigih kerajaan meningkatkan ekonomi," katanya.

Chin Tong berkata, usaha pembangkang Perikatan Nasional (PN) menganjurkan perarakan 'Turun Anwar' dilihat hanya menimbulkan lebih banyak persoalan daripada jawapan kerana pimpinan PN juga masih samar dan tidak mampu memimpin negara jika mendapat mandat rakyat.

Katanya, sukar untuknya membayangkan sama ada Tan Sri Muhyiddin Yassin atau Tan Sri Hadi Awang mampu melakukan apa yang sudah Anwar laksanakan sebagai pemimpin negara.